

20/01/2001

Perubahan Kabinet perkenal pemimpin pelapis

Ebe

PERUBAHAN Kabinet oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin tidaklah boleh dikatakan satu perubahan yang besar. Tidak ada menteri yang dipindahkan daripada jawatannya, melainkan Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman yang meletakkan jawatan sebelum perubahan Kabinet kelmarin.

Namun begitu, perubahan Kabinet kelmarin adalah satu langkah yang penting. Perdana Menteri telah menubuhkan sebuah kementerian baru, iaitu Kementerian Hal Ehwal Wanita yang kini diketuai Datuk Shahrizat Abdul Jalil. Dengan ini, menteri wanita dalam Kabinet bertambah seorang lagi. Pelantikan Shahrizat tentu sekali mendapat sambutan, terutama di kalangan wanita kerana inilah kali pertama sebuah kementerian yang khusus dibentuk untuk mengendalikan soal-soal wanita.

Sebagai wartawan, saya tentu berasa bangga atas pelantikan Senator Datuk Zainuddin Maidin sebagai Setiausaha Parlimen di Kementerian Penerangan. Seperti diketahui, Datuk Zainuddin atau lebih dikenali sebagai Zam ialah bekas Ketua Pengarang Utusan Melayu. Pelantikan beliau sebagai Setiausaha Parlimen di Kementerian Penerangan tentu mendapat sambutan di kalangan wartawan. Dengan pelantikan itu, Zam memulakan satu karier yang baru. Adakah pelantikannya ini akan membawa beliau menyertai politik sepenuh masa? Zam telah dilantik menjadi Senator sebelum ini. Zam memulakan satu karier yang baru sebagai seorang ahli politik dan pelantikannya itu adalah satu titik permulaan yang baru untuk beliau melangkah jauh ke hadapan. Teman-temannya seperti saya mendoakan mudah-mudahan Zam akan menjadi seorang tokoh politik yang besar pada masa hadapan.

Begitupun, tumpuan masyarakat tentu lebih kepada pelantikan Shahrizat sebagai Menteri Hal Ehwal Wanita. Perubahan Kabinet kelmarin adalah satu langkah yang besar oleh Perdana Menteri kerana keputusannya membentuk sebuah kementerian khusus untuk mengendalikan urusan wanita. Wanita sudah tentu menyambut pembentukan kementerian berkenaan sebagai satu langkah yang positif oleh Perdana Menteri yang jelas begitu prihatin kepada kepentingan wanita. Satu pengakuan ataupun pengiktirafan kerajaan kepada hakikat bahawa wanita kini memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya daripada lelaki.

Dari segi ini, kita bolehlah menganggap bahawa perubahan Kabinet kelmarin bukanlah satu perubahan yang kecil tetapi sebaliknya satu perubahan yang agak besar.

Perubahan Kabinet ini memang bukan satu Kabinet `re-shuffle'. Ia tidak membabitkan menteri-menteri yang telah sedia memegang jawatan masing-masing. Tetapi ia penting kerana pelantikan Shahrizat. Sebelum ini pelbagai ramalan dibuat oleh masyarakat terhadap keputusan Perdana Menteri hendak merombak Kabinetnya.

Beberapa nama menteri disebut sebagai orang yang akan terlucut daripada jawatan masing-masing tetapi ternyata ini tidak benar. Saya secara peribadi berpendapat dari awal bahawa perubahan Kabinet mungkin sekali tidak akan membabitkan menteri-menteri yang memegang jawatan masing-masing. Tidak ada sebab yang besar untuk mengadakan perubahan Kabinet yang membabit menteri-menteri tertentu.

Negara telah pulih daripada kemelut ekonomi dan kini sedang berkembang menghadapi cabaran yang baru. Keadaan politik negara juga stabil dan masalah yang boleh menjejaskan kestabilan tidak wujud. Yang demikian, tidak ada satu sebab yang mendesak untuk diadakan rombakan Kabinet secara

besar-besaran.

Pelantikan tokoh seperti Zam juga menunjukkan bahawa Perdana Menteri memang ingin mengasuh pemimpin lapisan atau pemimpin generasi baru. Menteri wanita seperti Shahrizat ialah juga satu contoh yang menunjukkan bahawa Perdana Menteri memberikan keutamaan kepada pemimpin pelapis. Pelantikan tokoh-tokoh seperti Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri; Senator Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri serta Senator Datuk M Kayveas sebagai Timbalan Menteri di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga menunjukkan bahawa Perdana Menteri mengambil berat soal melatih dan mengasuh pemimpin pelapis.

Perubahan Kabinet ini juga menunjukkan bahawa kedudukan kerajaan tetap utuh dan kukuh. Kerana ia tidak dimaksudkan untuk menghadapi satu-satu masalah politik dalam erti ia tidak dilakukan untuk menghadapi satu-satu krisis terhadap kewibawaan kerajaan. Sebaliknya, ia dilakukan sebagai satu usaha untuk memperkenalkan pemimpin pelapis melatih dan mengasuh diri untuk bakal memegang jawatan yang lebih berat pada masa hadapan.

Perubahan Kabinet ini telah menjadi bahan spekulasi yang sekarang nyata meleset dan saya rasa media asing tentunya merasa hampa bahawa perubahan ini tidaklah seperti yang mereka duga sebagai mencerminkan kelemahan kerajaan sekarang.

(END)